



**PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 2/2023**

**PINDAAN PROSEDUR SARINGAN DAN KESETARAAN KRITERIA KECEMERLANGAN  
AKADEMIK DALAM SYARAT-SYARAT DAN TACARA KENAIKAN PANGKAT STAF  
(STEPS) AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

1. Penambahbaikan serta pindaan prosedur saringan dan penyetaraan Kriteria Kecemerlangan Akademik (KKA) dalam Syarat-Syarat dan Tatabara Kenaikan Pangkat Staf (Akademik) Universiti Malaysia Kelantan adalah bermatlamat untuk memastikan pengurusan kenaikan pangkat staf akademik dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan efisien.
2. Pekeliling ini dibaca bersekali dengan **Lampiran A** yang menerangkan secara terperinci berkenaan pindaan prosedur saringan, sementara **Lampiran B** adalah senarai penyetaraan Kriteria Kecemerlangan Akademik (KKA) yang telah diluluskan.
3. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada **15 Disember 2022**.
4. Sehubungan itu, YBhg. Dato'/ Prof./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan dimohon untuk mengambil maklum hebahan ini.

Sekian, terima kasih.

**"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)**

Pendaftar

3 JANUARI 2023

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
  - Semua Dekan Fakulti

## 1. Pindaan Prosedur Saringan;

1.1 Penubuhan mesyuarat Pra Majlis (*Pre-Council*) yang melapor kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih (Temu duga) Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik).

a. Fungsi :

- i. Bertanggungjawab untuk menyemak dan mengesahkan senarai permohonan yang diperaku dan tidak diperaku di peringkat JKPF;
- ii. Bertanggungjawab membuat saringan calon-calon terakhir yang akan dimajukan ke peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih (Temu duga) Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik);
- iii. Bertanggungjawab untuk menyemak dan mengesahkan maklumat perkhidmatan, pencapaian calon termasuk maklumat tambahan (jika ada) dan dokumen sokongan sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih (Temu duga);
- iv. Mengesahkan dan mengeluarkan senarai akhir calon untuk dipanggil temu duga; dan
- v. Mengesahkan dan mengeluarkan senarai calon yang tidak diperaku kepada pihak Pejabat Pendaftar untuk dimaklumkan kepada calon.

b. Keahlian :

- Pengerusi : Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Antarabangsa)
- Ahli : i. Pengerusi JKPF calon  
ii. Pendaftar/ Wakil Pendaftar
- Urus setia : Pegawai Seksyen Kemajuan Kerjaya

## 2. Saringan Penilai Dalam/ Penilai Luar Calon Kenaikan Pangkat ke Gred DS54.

2.1 Sekurang-kurangnya dua (2) daripada tiga (3) orang penilai luar yang dilantik hendaklah menyokong permohonan kenaikan pangkat calon berdasarkan pencapaian Kriteria Kecemerlangan Akademik (KKA) dengan syarat salah seorang penilai yang menyokong adalah ahli akademik dari institusi luar negara yang berstatus kerakyatan bukan warga negara Malaysia.

Jawatan Kenaikan Pangkat	Penilai Luar		Bilangan Minimum Menyokong
	Institusi Dalam Negara	Institusi Luar Negara (Bukan Warga)	
DS54	2 orang	1 orang	2/3 (salah seorang adalah daripada penilai luar bukan warga negara)

## 3. Keahlian Jawatankuasa Pemilih (Temu Duga)

3.1 Pemansuhan keahlian Pakar Luar dalam jawatankuasa pemilih untuk semua gred kenaikan pangkat bagi semua kategori calon berdasarkan justifikasi bahawa pencapaian calon telah dinilai di peringkat saringan penilai dalam/ luar sebelum ditemu duga; dan

3.2 Pemansuhan keahlian Ahli Lembaga Pengarah Universiti (Bukan Kategori Wakil Senat) dalam jawatankuasa pemilih untuk kenaikan pangkat ke Gred DS54 bagi semua kategori calon (keanggotaan ahli LPU dikekalkan bagi kenaikan pangkat Profesor).

<b>Ahli Jawatankuasa Pemilih (Temu duga) Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik)</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Keahlian Semasa</b>	<b>Pindaan</b>
1.	Naib Canselor sebagai Pengerusi	Tiada pindaan
2.	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sebagai Pengerusi Bersama	Tiada pindaan
3.	Seorang ahli Lembaga Pengarah Universiti yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti (Bukan Kategori Wakil Senat)	Dimansuhkan untuk Gred DS54 (Dikekalkan bagi kenaikan pangkat gred khas VK)
4.	Dua (2) wakil Senat yang dilantik oleh Senat	Tiada pindaan
5.	Seorang (1) Pakar Luar – DS54 Dua (2) orang pakar luar – VK (Mengikut bidang kepakaran pemohon)	Dimansuhkan Justifikasi : Pencapaian calon telah dinilai semasa peringkat penilaian penilai dalam / luar.
6.	Pendaftar atau wakil sebagai Setiausaha.	Tiada pindaan
7.	Ketua Jabatan pemohon boleh dijemput untuk turut hadir.	Tiada pindaan

#### **4. Penambahbaikan Terma Rujukan Jawatankuasa Pemilih (Temu duga)**

- 4.1 Jawatankuasa Pemilih (Temu duga) mempunyai autoriti penuh dan menjadi penentu kepada keputusan sama ada calon diperaku atau tidak diperaku ke Lembaga Kenaikan Pangkat (MPSM atau LPU). Perakuan yang diberikan adalah tidak tertakluk kepada sebarang merit atau keputusan saringan sebelumnya.



Kesetaraan Kriteria Kecemerlangan Akademik (KKA)

LAMPIRAN B

KRITERIA	PENYETARAAN	KOMPONEN STEPS
<p><b>Penyelidikan</b></p>	<p>Satu (1) projek penyelidikan sebagai ketua disetarakan dengan tiga (3) projek penyelidikan sebagai ahli, dengan syarat;</p> <p>DS54 : 1 projek penyelidikan sebagai ketua adalah DIWAJIBKAN. Contoh : 1 projek penyelidikan sebagai ketua (Wajib) + 6 projek penyelidikan sebagai ahli (disetarakan).</p> <p>VK7 : 5 projek penyelidikan sebagai ketua adalah DIWAJIBKAN. Contoh : 5 projek penyelidikan sebagai ketua (Wajib) + 6 projek penyelidikan sebagai ahli (disetarakan).</p> <p>Penyetaraan nilai geran dengan bilangan projek penyelidikan :</p> <p>DS54 : Nilai kumulatif geran berjumlah RM 500 ribu sebagai ketua atau ahli projek penyelidikan.</p> <p>VK7 : Nilai kumulatif geran berjumlah RM 1 juta sebagai ketua atau ahli projek penyelidikan.</p> <p><i>*kumulatif = termasuk di gred dan institusi terdahulu</i></p> <p>Projek penyelidikan dengan pembiayaan sendiri dan berdaftar di RMIC.</p>	<p>Syarat pencapaian dalam penyelidikan bagi Kenaikan pangkat ke DS54 = 3 projek penyelidikan sebagai ketua.</p> <p>Syarat pencapaian dalam penyelidikan bagi kenaikan pangkat ke VK7 = 7 projek penyelidikan sebagai ketua.</p> <p>Disetarakan dengan dua (2) projek penyelidikan sebagai ketua.</p> <p>Contoh : Calon DS54 mempunyai Satu (1) projek penyelidikan sebagai ketua dan Dua (2) projek penyelidikan sebagai ahli dengan geran kumulatif RM 500 ribu. Nilai kumulatif geran tersebut boleh disetarakan dengan Dua (2) lagi projek penyelidikan sebagai ketua.</p> <p>Disetarakan dengan Satu (1) projek penyelidikan sebagai ketua.</p>

	<p><b>Nota :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Syarat minimum satu (1) projek penyelidikan sebagai ketua dengan pembiayaan geran luar adalah dikekalkan.</li> <li>ii. Syarat bilangan dua (2) projek geran luar dan Dua (2) projek penyelidikan sebagai ketua di Jawatan Semasa bagi kenaikan pangkat ke gred VK7, VK6 dan VK5 dikekalkan.</li> </ul>
<p><b>Penerbitan</b></p>	<p>Syarat asal kenaikan pangkat DS54 : 15 artikel SCOPUS/ISI.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>* Syarat 10 artikel/ penerbitan di jawatan semasa adalah dikekalkan.</li> <li>* Syarat 3 artikel sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa adalah dikekalkan.</li> </ul>
	<p>VK7 : Minimum 15 SCOPUS (wajib) + 15 penerbitan yang disetarakan.</p>
	<p><b>Komponen Penyetaraan</b></p> <p>Satu (1) buku berwasit (ISBN) (termasuk penulis bersama).</p> <p>Empat (4) bab dalam buku berwasit (ISBN) yang sama atau berbeza (termasuk penulis bersama).</p> <p>Satu (1) kertas polisi selain tugas hakiki yang digunakan oleh UMK.</p> <p>Satu (1) kertas polisi di peringkat Negeri/ kebangsaan.</p> <p>Satu (1) kertas polisi baru di peringkat Antarabangsa.</p>
	<p>Syarat asal kenaikan pangkat VK7 : 30 artikel Scopus/ISI.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>*Syarat 15 artikel/ penerbitan di jawatan semasa adalah dikekalkan.</li> <li>* Syarat 6 artikel sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa adalah dikekalkan.</li> </ul> <p>Disetarakan dengan empat (4) artikel berindeks Scopus /ISI.</p> <p>Disetarakan dengan satu (1) artikel berindeks Scopus /ISI.</p> <p>Disetarakan dengan satu (1) artikel berindeks Scopus /ISI.</p> <p>Disetarakan dengan enam (6) artikel berindeks Scopus /ISI.</p> <p>Disetarakan dengan 10 artikel berindeks Scopus /ISI.</p>

	<p>20 penulisan populer atau kombinasi diantaranya merangkumi cerpen, rencana dalam akhbar, puisi yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf.</p> <p>Tiga (3) buah karya atau kombinasi dari lirik lagu, skrip drama, video dokumentari, karya seni kreatif atau selain daripada bahan pengajaran yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf.</p> <p>Empat (4) lukisan teknikal yang telah disahkan oleh profesional.</p> <p>Empat (4) artikel dalam jurnal berindeks selain Scopus.</p> <p>Dua (2) penerbitan diindeks dalam myCite (Malaysian Citation Index).</p> <p>Pembangunan satu (1) program akademik baharu yang telah diluluskan oleh MQA.</p> <p>Penglibatan dalam satu (1) proses semakan kurikulum (<i>Curriculum review</i>).</p> <p>Satu (1) <i>Patent Granted</i> dalam Inovasi Penyelidikan.</p> <p>Satu (1) <i>Patent Filed</i> dalam Inovasi Penyelidikan.</p> <p>Satu (1) Hakcipta (<i>Copyright</i>) / Rekabentuk Industri (<i>Industrial design</i>).</p> <p>Dua (2) H-Index Google Scholar diambil kira untuk kategori Sains Sosial gred DS54. *Syarat H-index bagi kategori Sains &amp; Teknologi dan Klinikal adalah dikecualkan.</p>	<p>Disetarakan dengan satu (1) artikel berindeks Scopus /ISI.</p> <p>Disetarakan dengan satu (1) artikel berindeks Scopus /ISI.</p> <p>Disetarakan dengan satu (1) artikel berindeks Scopus /ISI.</p> <p>Disetarakan dengan satu (1) artikel berindeks Scopus /ISI.</p> <p>Disetarakan dengan satu (1) artikel berindeks Scopus /ISI.</p> <p>Disetarakan dengan dua (2) artikel berindeks Scopus /ISI.</p> <p>Disetarakan dengan satu (1) artikel berindeks Scopus /ISI.</p> <p>Disetarakan dengan dua (2) artikel berindeks Scopus /ISI.</p> <p>Disetarakan dengan satu (1) artikel berindeks Scopus /ISI.</p> <p>Disetarakan dengan satu (1) artikel berindeks Scopus /ISI.</p> <p>Disetarakan dengan satu (1) artikel berindeks Scopus /ISI.</p> <p>Disetarakan dengan satu (1) H-Index Scopus. *Syarat untuk kenaikan pangkat DS54 (Sains Sosial) : H-Index (SCOPUS) = 2</p>
--	--	--



	<p>Catatan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Artikel Scopus adalah termasuk artikel dalam jurnal, <i>prosiding</i> dan <i>review</i>.</li> <li>ii. Bagi penulis yang aktif (selain penerbitan yang telah disenaraikan), penentuan kesetaraan dengan Scopus diberikan autoriti kepada Jawatankuasa Pemilihan untuk menilai kualiti bahan penulisan berdasarkan impak dari segi kualiti, jumlah cetakan, jualan, impak penulisan dan sebagainya.</li> <li>iii. Takrifan <i>Corresponding Author</i> diperjelaskan iaitu ahli akademik yang menjadi rujukan Main Author dan disahkan oleh pelajar secara bertulis kepada JKPF.</li> </ul>						
<p><b>Penyeliaan</b></p>	<table border="1"> <tr> <td data-bbox="421 1032 512 1803"> <p>20 orang pelajar projek tahun akhir (FYP) Prasiswazah.</p> </td> <td data-bbox="421 172 512 1032"> <p>Disetarakan dengan satu (1) pelajar Sarjana bergraduat sebagai penyelia utama.</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="512 1032 603 1803"> <p>Lima (5) pelajar Sarjana kerja kursus (<i>Coursework</i>).</p> </td> <td data-bbox="512 172 603 1032"> <p>(<i>Dengan syarat satu (1) pelajar Sarjana bergraduat sebagai Penyelia Utama adalah wajib</i>).</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="603 1032 694 1803"> <p>Satu (1) pelajar PhD bergraduat sebagai penyelia bersama.</p> </td> <td></td> </tr> </table> <p>Nota :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelajar Sarjana bergraduat secara <i>mix mode</i> disetarakan dengan pelajar Sarjana penyelidikan.</li> <li>ii. DBA dan PhD kerja kursus juga boleh diambil kira sebagai PhD Penyelidikan.</li> </ul>	<p>20 orang pelajar projek tahun akhir (FYP) Prasiswazah.</p>	<p>Disetarakan dengan satu (1) pelajar Sarjana bergraduat sebagai penyelia utama.</p>	<p>Lima (5) pelajar Sarjana kerja kursus (<i>Coursework</i>).</p>	<p>(<i>Dengan syarat satu (1) pelajar Sarjana bergraduat sebagai Penyelia Utama adalah wajib</i>).</p>	<p>Satu (1) pelajar PhD bergraduat sebagai penyelia bersama.</p>	
<p>20 orang pelajar projek tahun akhir (FYP) Prasiswazah.</p>	<p>Disetarakan dengan satu (1) pelajar Sarjana bergraduat sebagai penyelia utama.</p>						
<p>Lima (5) pelajar Sarjana kerja kursus (<i>Coursework</i>).</p>	<p>(<i>Dengan syarat satu (1) pelajar Sarjana bergraduat sebagai Penyelia Utama adalah wajib</i>).</p>						
<p>Satu (1) pelajar PhD bergraduat sebagai penyelia bersama.</p>							
<p><b>Perundingan</b></p>	<p>Definisi perundingan dan penjanaan pendapatan diperluaskan kepada sebarang penyediaan khidmat kepakaran, latihan/kursus/seminar, penajaan, hasil jualan (<i>sales revenue</i>) dan lain-lain yang diperaku oleh JKPF. Terpakai untuk semua gred kenaikan pangkat.</p>						